

**Teks Ucapan Naib Canselor
Professor Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib**

**Majlis Perasmian Pusat Komuniti & Inovasi Desa Layang-Layang
Kanan @ Parit, Perak**

**Isnin, 25 Februari 2019
10.00 am**

Terima kasih kepada Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia,
Orang Besar Enam Belas,
Yang Dihormati Toh Indera Jaya,
Dato' Ishak Haji Mohamed

Yang Berbahagia,
Tuan Muhamad Ghopran Yeop Hamzah
Pegawai Daerah Perak Tengah

Ahli-Ahli Pengurusan UTP

Para penyumbang

Dif-dif jemputan, serta para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita berkumpul pada pagi yang mulia ini untuk sama-sama menjayakan Majlis Perasmian Pusat Komuniti dan Inovasi Desa Layang-Layang Kanan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini.

Saya berasa amat berbangga dengan kerjasama antara Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT), Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) dan seluruh komuniti setempat. Saya pasti usaha untuk membangunkan sebuah pusat sebegini pastinya memerlukan usaha, komitmen dan dedikasi yang jitu dan menyeluruh, justeru setinggi-tinggi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh gerak kerja yang terlibat.

Para Hadirin Sekalian,

Pusat ini yang dahulunya adalah sebuah sekolah pada tahun 1960-an dan kemudiannya digunakan sebagai pusat latihan Pusat Giat MARA. Bagaimanapun bangunan ini tidak didiami sejak tahun 2004. Atas cadangan mantan Naib Canselor, Yang Berbahagia Datuk Ir (Dr) Abdul Rahim Hashim, sekumpulan sukarelawan daripada kakitangan UTP yang diketuai oleh Profesor Madya Dr Shahrina mengambil inisiatif untuk menubuhkan satu pusat yang dapat meningkatkan kualiti hidup dan potensi masyarakat setempat. Untuk makluman, pada akhir tahun 2016, pelajar dan kakitangan UTP telah berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM 68,500 untuk fasa pertama dan RM 69,000 untuk fasa kedua. Keseluruhannya, warga UTP telah berjaya menyumbangkan RM 137,500 untuk membangunkan Pusat Komuniti & Inovasi Desa Layang-Layang Kanan! Saya amat berbangga dengan sumbangan mereka ini yang bukan sahaja membawa manfaat kepada diri sendiri dan UTP tetapi yang lebih penting kepada komuniti dan negara. Sekali lagi syabas diucapkan!

UTP berharap dengan adanya pusat komuniti dan inovasi seperti ini, ianya dapat memberikan pendidikan sepanjang hayat kepada masyarakat

setempat untuk kesejahteraan jangka panjang. Atas kesedaran inilah masyarakat harus memberikan sokongan bagi pewujudan suatu pusat dalam komuniti sebegini. Alhamdulillah, saya dimaklumkan bahawa penduduk Layang Layang Kanan telah terlibat sejak dari awal projek ini dilaksanakan dan memberikan kerjasama yang sepenuhnya. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah diucapkan kepada penduduk yang telah memberikan sumbangan tidak kira sama ada dalam bentuk tenaga, masa mahupun wang ringgit bagi menjayakan projek ini.

Selain daripada ingin mendekatkan UTP dengan komuniti yang berdekatan, suka untuk saya maklumkan bahawa UTP amat prihatin terhadap pembangunan sosio-ekonomi masyarakat setempat dan turut menyumbang dengan menjalankan pelbagai program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) bagi membantu pembangunan yang lestari. Program USR di UTP menekankan tiga aspek utama iaitu Pendidikan, Pembangunan sosio-ekonomi dan Alam Sekitar. Melalui amalan-amalan USR, kami mensasarkan untuk memberi impak positif kepada komuniti yang terlibat terutamanya yang berdekatan dengan universiti bagi memperkayakan kehidupan komuniti setempat dan menggalakkan pertumbuhan lestari di kalangan rakyat Malaysia.

Keindahan dan kecanggihan infrastruktur semata mata tanpa disusuli dengan kekayaan pengisiannya adalah tidak bermakna. Justeru itu, UTP akan terus memastikan budaya ilmu di kalangan komuniti setempat akan terus dipertingkatkan. Dalam hal ini, peranan UTP sebagai medan ilmu utama amatlah dititikberatkan. Kami akan meneruskan aktiviti-aktiviti pendidikan seperti memberi pendedahan kepada pelajar – pelajar

sekolah mengenai Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Saya juga menggalakkan untuk pelajar – pelajar membaca buku – buku yang telah disumbangkan bagi mendokong hasrat melahirkan masyarakat berilmu.

Bagi pihak UTP, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penaja dan dermawan yang telah terlibat di dalam pembangunan Pusat Komuniti & Inovasi ini. Terima kasih kepada

1. Perpustakaan Negara
2. Berkat Hardware
3. Semaian Sri Iskandar
4. Jabatan Bomba & Penyelamat
5. Giatmara
6. UEM Group
7. Telekom Malaysia
8. Originex Electric
9. MNM Khidmat Elektrik Sdn Bhd
10. Enserve
11. Soulfly Engineering
12. Livline Sdn Bhd
13. Azar Enterprise Sdn Bhd
14. Azrak Sdn Bhd
15. ASME Malaysia

16. Perunding BCP

17. Tn Hj M Noor Rosli Baharom

18. Dr Norashikin Yahya

19. Profesor Dr Yoshimitsu Uemura

20. Profesor Dr Kurian John

Dan akhirnya, pihak pengurusan UTP yang bermurah hati.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan syabas kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung menyumbangkan masa dan tenaga untuk menjayakan program ini. Sesungguhnya, komitmen dan kerjasama anda amat saya hargai. Semoga kebaikan seperti ini diteruskan untuk masa-masa akan datang.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.